

PENUTUP SEMINAR FASILITAS TUDM DI PANGKALAN UDARA GONG KEDAK

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3883-penutup-seminar-fasilitas-tudm-di-pangkalan-udara-gong-kedak

GONG KEDAK, 7 Sep 18 - Markas TUDM bahagian Tadbir Cawang Perkhidmatan dan Hospitaliti telah mengadakan Seminar Fasilitas yang diadakan di KOMATRA Pangkalan Udara Gong Kedak bermula 4 hingga 7 Sep 18 yang terdiri daripada 7 Pegawai Fasilitas dan 17 PTTK Sajian TUDM yang berkhidmat di seluruh Pangkalan/Unit TUDM.

Objektif seminar dijalankan adalah untuk memastikan Pegawai Fasilitas dan PTTK Sajian TUDM dapat meningkatkan kefahaman tentang bidang tugas dan tanggungjawab serta menyeragamkan segala urusan pentadbiran supaya perlaksanaan dalam pengurusan pentadbiran harian lebih efektif dan efisyen.

Majlis Penutup Seminar Fasilitas telah disempurnakan oleh Komander Pangkalan, Brig Jen Dato' Suhaimi bin Hussain TUDM dan turut hadir sama PS 1 Pengurusan, Lt Kol Rozze bin Ali Rahim TUDM.



